



GARIS PANDUAN LAPORAN
ANUGERAH KECEMERLANGAN PELANCONGAN
KOPERASI SEKOLAH (APKS) 2025/2026

TEMA

**" KOPERASI SEKOLAH: MILIK BERSAMA, MEMBINA
KEPIMPINAN DAN KEUSAHAWANAN MADANI "**

TEMPOH PELAKSANAAN

1 SEPTEMBER 2024 – 31 JULAI 2026

ANJURAN

**UNIT KOPERASI SEKOLAH, SEKSYEN PENDIDIKAN,
BAHAGIAN PENDIDIKAN DAN PERNIAGAAN,
KUMPULAN PEMBANGUNAN KOPERASI
ANGKASA**

1.0 PENGENALAN

Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan rasmi untuk koperasi sekolah yang berminat untuk dicalonkan bagi Anugerah Kecemerlangan Pelancongan Koperasi Sekolah (APKS) 2025/2026. Garis panduan ini mengandungi syarat kelayakan, kriteria penilaian serta prosedur pencalonan yang perlu dipatuhi. Dokumen ini bertujuan memastikan setiap koperasi sekolah memahami keperluan dan standard yang ditetapkan bagi anugerah tersebut. Dengan mengikuti garis panduan ini, koperasi sekolah dapat menyediakan dokumen pencalonan dengan lebih sistematik dan teratur. Diharapkan panduan ini dapat membantu koperasi sekolah dalam usaha mencapai kecemerlangan dan pengiktirafan di peringkat kebangsaan. Laporan penilaian APKS 2025/2026 telah dibahagikan kepada **8 bahagian** iaitu:

- Bahagian A – Maklumat/profil PKS (10%)
- Bahagian B – Perolehan aktiviti PKS (10%)
- Bahagian C – Pakej PKS (10%)
- Bahagian D – Konsep pelaksanaan PKS (45%)
- Bahagian E – Kemudahan Hos (5%)
- Bahagian F – Senarai Tamu (5%)
- Bahagian G – Pengiktirafan PKS (10%)
- Bahagian H – Bonus (5%)

2.0 PENYERTAAN

Penyertaan hanya dibuka kepada semua koperasi sekolah di Malaysia. Koperasi sekolah yang bukan ahli ANGKASA wajib melampirkan borang permohonan keahlian ANGKASA sebagai syarat penyertaan. Borang tersebut hendaklah disertakan bersama borang laporan APKS 2025/2026 (**UKS-APKS/26**).

2.1 TARIKH CADANGAN DAN TEMA APKS

Tarikh pelaksanaan aktiviti: **1 September 2024– 31 Julai 2026.**

Tarikh akhir menghantar laporan: **7 Ogos 2026 (Jumaat).**

Tarikh penilaian laporan (peringkat 1): **10 – 21 Ogos 2026.**

Tarikh penilaian laporan (peringkat 2): **24 – 26 Ogos 2026.**

Tarikh lawatan pengesahan (peringkat 3): **1– 15 September 2026.**

Tarikh Majlis APKS peringkat kebangsaan: **31 Oktober – 2 November 2026.**

Tema APKS 2026: **"Koperasi Sekolah: Milik Bersama, Membina Kepimpinan dan Keusahawanan Madani"**

Nota: Tarikh, tempat dan format penilaian akhir adalah tertakluk kepada perubahan dari masa ke semasa.

2.2 PENILAIAN PERINGKAT SARINGAN (PERTAMA DAN KEDUA)

Koperasi sekolah yang ingin dicalonkan sebagai penerima APKS 2025/2026 Peringkat Kebangsaan diwajibkan menghantar laporan prestasi bagi setiap aktiviti pelancongan koperasi sekolah yang telah dilaksanakan. **Laporan ini perlu disediakan dalam bentuk video yang kreatif, inovatif, dan bermakna.** Video tersebut harus mengetengahkan pencapaian, aktiviti serta impak koperasi sekolah terhadap murid, warga sekolah dan komuniti setempat. Selain itu, elemen nilai koperasi dan prinsip keusahawanan juga perlu ditonjolkan dalam penyampaian video. Penyertaan yang memenuhi kriteria ini akan dinilai berdasarkan kreativiti, kandungan dan keberkesanan penyampaian maklumat.

3.0 FORMAT VIDEO KREATIF

3.1 Durasi

Tempoh video yang dibenarkan adalah **antara 4 hingga 7 minit**. Video yang dihasilkan hendaklah cukup padat dan jelas dalam menyampaikan mesej tanpa melebihi had masa yang ditetapkan. Video yang terlalu pendek mungkin tidak mencukupi untuk menyampaikan maklumat dengan berkesan manakala video yang terlalu panjang boleh mengurangkan daya tumpuan penilai.

3.2 Format

Bagi memastikan keserasian dengan pelbagai peranti dan platform, video yang dihantar mestilah menepati spesifikasi berikut:

- 3.2.1 **Format video:** Video hendaklah dalam format **MP4, MOV atau AVI** yang merupakan format standard yang mudah dimainkan pada kebanyakan peranti dan perisian penyuntingan video.
- 3.2.2 **Resolusi minimum:** Video perlu dihasilkan dalam sekurang-kurangnya **resolusi 720p (HD)** bagi memastikan kualiti paparan yang jelas dan tidak kabur apabila dimainkan pada skrin yang lebih besar. Resolusi yang lebih tinggi adalah digalakkan bagi pengalaman tontonan yang lebih baik.
- 3.2.3 **Orientasi video:** Video hendaklah dirakam dalam orientasi **landskap (16:9)** bagi memastikan kesesuaian dengan skrin komputer, televisyen dan kebanyakan platform penstriman video seperti YouTube serta media sosial. Video dalam orientasi potret (9:16) tidak akan diterima kerana ia mungkin tidak memenuhi keperluan tontonan secara profesional.

3.3 Kandungan Video

Video yang dihasilkan hendaklah merangkumi pecahan komponen utama seperti berikut:

Bahagian A: Profil Koperasi Sekolah (10%)

- Sejarah PKS koperasi sekolah masing-masing.
- Carta organisasi PKS dan senarai penuh jawatankuasa PKS.
- Visi, misi dan objektif PKS.
- Senarai pakej yang ditawarkan dan harga setiap pakej.

Bahagian B: Perolehan Aktiviti PKS (10%)

- Jumlah pendapatan PKS sepanjang tempoh pelaksanaan aktiviti.
- Jumlah perbelanjaan PKS sepanjang tempoh pelaksanaan aktiviti.
- Jumlah untung bersih PKS sepanjang tempoh pelaksanaan aktiviti.
- Koperasi sekolah juga hendaklah menyediakan rumusan laporan perolehan tahunan projek dalam **tempoh 8 tahun (2016 – 2026)**.
- Laporan boleh disediakan dalam **bentuk graf, jadual atau carta** yang memudahkan penilaian dibuat.

Bahagian C: Pakej (10%)

Koperasi sekolah hendaklah menyediakan secara lengkap maklumat pakej yang ditawarkan mengikut tempoh laporan seperti berikut:

- Pakej 3 hari 2 malam
- Pakej 2 hari 1 malam
- Pakej 1 hari
- Pakej 1/2 hari

Bahagian D: Konsep Pelaksanaan PKS (45%)

Laporan yang disediakan oleh koperasi sekolah hendaklah mengikut konsep pembelajaran PKS sebenar yang merangkumi konsep *learning by doing, doing by learning dan doing and learning*. Konsep ini selari dengan prinsip ke-5 koperasi yang menekankan unsur pendidikan, latihan dan maklumat. Bahagian ini perlu menekankan aspek tugas hos, fokus subjek dan fokus sampingan. Laporan yang perlu ditekankan dalam bahagian ini adalah seperti berikut:

Tugas Hos

- Peranan pengarah projek.
- Peranan jawatankuasa yang dibentuk dan keterangan ringkas penglibatan dalam setiap projek.
- Jaringan kerjasama koperasi hos bersama komuniti setempat/agensi/pemain industri pelancongan dan sebagainya.
- Mengikuti kursus hos meliputi tarikh, masa, tempat dan impak.

Fokus Subjek

- Jenis fokus subjek yang dipilih.
- Peranan murid dalam fokus subjek.
- Aktiviti-aktiviti menjurus kepada fokus subjek.
- Sumber rujukan kajian/penyelidikan fokus subjek.

Fokus Sampingan

- Senarai fokus sampingan yang ditawarkan kepada tamu.
- Peranan murid dalam aktiviti fokus sampingan seperti aktiviti malam kebudayaan, makanan tradisi, persembahan hidangan dan sebagainya.

laporan yang dihasilkan hendaklah dibuat secara ringkas, padat dan dinilai berdasarkan **bukti bergambar/sijil/dokumen**. Penyediaan laporan adalah bergantung kepada kreativiti masing-masing dan dapat menerangkan dengan jelas tentang konsep dan penglibatan murid sebagai hos.

Bahagian E: Kemudahan (5%)

Bahagian ini memerlukan koperasi hos menyediakan laporan kemudahan kemudahan yang ditawarkan kepada tamu seperti penginapan, dewan sekolah, dewan makan, pengangkutan, padang sekolah dan lain-lain kemudahan yang digunakan sepanjang pelaksanaan PKS dijalankan. Laporan yang disediakan hendaklah berserta keterangan, kos dan bukti bergambar semasa aktiviti PKS dilaksanakan.

Bahagian F: Tamu (5%)

- Koperasi Tamu dan Jumlah Tamu (**Tempoh Penglibatan**).
Koperasi sekolah diminta untuk menyediakan laporan senarai setiap tamu sepanjang tempoh laporan seperti **tarikh, koperasi sekolah tamu, bilangan peserta tamu beserta dengan pakej**.
- Senarai Koperasi Tamu Dan Jumlah Tamu (**2003 sehingga Sehingga 30 September 2026**)
Bahagian ini memerlukan koperasi sekolah untuk menyenaraikan kesemua koperasi tamu dan bilangan peserta tamu yang hadir sepanjang pelaksanaan aktiviti PKS.

Laporan yang disediakan hendaklah jelas dan boleh **dipersembahkan dalam bentuk jadual, graf, carta dan lain-lain kaedah** mengikut kreativiti masing-masing.

Bahagian G: Pengiktirafan PKS (10%)

- Pengiktirafan PKS 2025/2026

Bahagian ini memerlukan koperasi melaporkan pengiktirafan Aktiviti PKS yang diterima **sepanjang tahun 2025/2026** dan disertakan dengan bukti seperti sijil/gambar/dokumen atau lain-lain bukti bagi menguatkan laporan.

- Pengiktirafan Sepanjang Aktiviti PKS (**2003 - 2024**)
Koperasi sekolah diminta untuk melaporkan pengiktirafan PKS yang diterima sepanjang pelaksanaan aktiviti PKS dari awal pelaksanaan sehingga ke tahun 2024. Laporan boleh disediakan dalam bentuk **jadual, graf, carta atau lain-lain kaedah** mengikut kreativiti masing-masing.

Setiap laporan di bahagian ini memerlukan koperasi sekolah menyatakan dengan jelas **nama anugerah yang diterima, tarikh, tempat, nama penganjur dan bukti penerimaan** anugerah PKS berkenaan.

Bahagian G: Pengiktirafan PKS (5%)

- Kreativiti dan Inovasi projek
- Kepuasan tamu
- Plat penjenamaan Coopistac

4.0 KREATIVITI & PENYAMPAIAN

Gaya Penyampaian

- ❖ Menarik, informatif dan mudah difahami.
- ❖ Boleh menggunakan penceritaan, infografik atau animasi.
- ❖ Penggunaan teks ringkas dan jelas sebagai bantuan visual.

Audio Dan Muzik

- ❖ Gunakan suara latar yang jelas dan berkualiti tinggi.
- ❖ Muzik latar belakang tidak boleh mengganggu pemahaman.
- ❖ Jika menggunakan muzik, pastikan bebas hak cipta.

Penggunaan Bahasa

- ❖ Bahasa Melayu yang jelas dan formal.
- ❖ Penggunaan sari kata jika ada bahasa lain.

5.0 TEKNIK PENGGAMBARAN & PENYUNTINGAN

- 5.1 Pencahayaan yang baik dan rakaman stabil.
- 5.2 Gunakan transisi dan animasi yang sesuai.
- 5.3 Pastikan audio tidak tenggelam dengan muzik latar.
- 5.4 Setiap paparan visual mesti relevan dengan isi kandungan.

6.0 PENGHANTARAN & TARIKH AKHIR

6.1 Video hendaklah dihantar dalam format digital melalui platform yang ditetapkan.

6.2 Tarikh akhir penghantaran: **7 Ogos 2026 (Jumaat) jam 4.30 petang.**

6.3 Nama fail video: "APKS 2025/2026" [Nama Koperasi Sekolah].

7.0 PENILAIAN VIDEO

Kriteria	Markah (%)
Kandungan video	50%
Kreativiti dan inovasi	20%
Kualiti teknikal (audio/visual)	15%
Kejelasan penyampaian	15%

8.0 KEPUTUSAN & PENGANUGERAHAN

8.1 Keputusan juri adalah muktamad.

8.2 Pemenang akan diumumkan dalam majlis penyampaian Anugerah Kecemerlangan Pelancongan Koperasi Sekolah (APKS) 2025/2026.

9.0 BORANG PENGESAHAN DAN LAPORAN APKS 2025/2026

Borang pengesahan UKS-APKS/26 dan laporan APKS hendaklah diisi dengan lengkap bersekali pautan video laporan APKS **pada atau sebelum 7 Ogos 2026 (Jumaat) jam 4.30 petang.** Borang ini bolehlah dimuat turun dari laman web ANGKASA; www.angkasa.coop. **PENILAIAN LAPORAN APKS 2025/2026**

Penilaian akan dibuat berdasarkan format yang terkandung dalam setiap bahagian. **Jawatankuasa Penilai** boleh terdiri daripada:

- ✓ Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA)
- ✓ Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
- ✓ Majlis Amanah Rakyat (MARA)
- ✓ Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)
- ✓ Bahagian Pendidikan Dan Latihan Teknikal Vokasional (BPLTV)
- ✓ Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)
- ✓ Institut Koperasi Malaysia (IKMa)
- ✓ Dan Lain-Lain Agensi yang berkaitan

10.0 PERTANYAAN

Sebarang bentuk pertanyaan yang berkaitan dengan APKS 2025/2026 bolehlah diutarakan kepada Unit Koperasi Sekolah, Seksyen Pendidikan, Bahagian Pendidikan dan Perniagaan, Kumpulan Pembangunan Koperasi, ANGKASA di talian telefon:

03-7884 6606 / 6606 / 6624

E-mel: edu.angkasa@gmail.com

11.0 PANDUAN PENYEDIAAN LAPORAN KOPERASI SEKOLAH MENERUSI VIDEO KREATIF

- a) Penyediaan laporan hendaklah mengikut format yang telah ditetapkan di dalam garis panduan ini.
- b) Bahan-bahan atau maklumat yang telah diberikan oleh ANGKASA kepada koperasi sekolah seperti Garis Panduan APKS 2026 dan lain-lain **tidak perlu dimasukkan dalam video**.
- c) Koperasi sekolah juga perlu mengisi **Google Forms UKS-APKS/26** dan disertakan dengan link/pautan Laporan APKS 2025/2026 yang telah dikongsikan dengan edu.angkasa@gmail.com. Pautan **Google Forms APKS 2026** boleh didapati di <https://bit.ly/APKS2026> atau menerusi kod QR dibawah:



12.0 HADIAH PERINGKAT KEBANGSAAN 2026

Pemenang peringkat kebangsaan 2026 akan dipilih oleh Jawatankuasa Penilai berdasarkan syarat yang telah ditetapkan. Bilangan pemenang dan hadiah bagi setiap peringkat akan dimaklumkan dari semasa ke semasa. Walau bagaimanapun **sijil pencapaian peringkat kebangsaan** akan diberikan kepada pemenang dan manakala sijil penyertaan akan dikeluarkan kepada semua koperasi sekolah yang telah menghantar Laporan Anugerah PKS 2025/2026.

Kategori Hadiah Peringkat Kebangsaan PKS 2026 adalah seperti berikut:

- Koperasi sekolah hos terbaik 2026.
- Guru pembimbing PKS terbaik 2026.
- Lain-lain anugerah khas mengikut keputusan mesyuarat Jawatankuasa Anugerah.

Semua anugerah ini akan disampaikan semasa Majlis Anugerah Kecemerlangan Koperasi Sekolah 2026 Peringkat Kebangsaan dan semua koperasi sekolah yang telah menghantar laporan akan dijemput bagi meraikan usaha berterusan koperasi sekolah dalam aktiviti PKS bagi tahun 2026.

13.0 HAL-HAL LAIN

Sijil penyertaan APKS 2025/2026 akan diberikan kepada koperasi sekolah yang telah menghantar laporan APKS 2025/2026. **Tiada sumbangan saguhati berbentuk kewangan diberikan kepada koperasi sekolah yang menghantar video. Harap Maklum.**

Dengan adanya garis panduan ini, koperasi sekolah dapat menghasilkan video kreatif yang berkualiti dan memaparkan kejayaan serta keunikan koperasi masing-masing. Selamat berkarya.

Jika terdapat sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi:

**BAHAGIAN PENDIDIKAN DAN PERNIAGAAN,
KUMPULAN PEMBANGUNAN KOPERASI,
ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA (ANGKASA)
UNIT C311, TINGKAT 2,
BLOK C, GLOMAC BUSINESS CENTRE,
JALAN SS 6/1, SS6, 47301 PETALING JAYA, SELANGOR.
(U/P: UNIT KOPERASI SEKOLAH)**

No. Telefon: 03-7884 6606 / 6606 / 6624

Laman web: www.angkasa.coop

Email : edu.angkasa@gmail.com

PEGAWAI UNIT KOPERASI SEKOLAH UNTUK DIHUBUNGI

BIL	NAMA	NO TEL BIMBIT	EMAIL
1	En. Hasbullah Hamdin	012-242 7233	edu.angkasa@gmail.com
2	En. Muhammad Hafifi Bin Hamdan	012-464 6231	
3	Cik Noor Azlina Binti Sharif	017-652 5924	
4	Siti Nadratun Farhana Binti Mohd Hatta	017-277 9916	
5	Samsul Bin Sarraji	016-407 9410	